

# BR1M perlu ditambah baik

**Pastikan duit  
BR1M tidak  
disalahguna  
beli gajet, benda  
tidak perlu**

SALWANI MD ZAIN

SHAH ALAM

**P**enganalisis Ekonomi berpendapat kaedah agihan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) perlu ditambah baik dalam menjamin objektif pelaksanaannya lebih berkesan.

Pemerhati Ekonomi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Yusof Saari berkata, agihan secara tunai tidak menjamin wang

tersebut digunakan seisi rumah untuk dibelanjakan kepada keperluan utama.

"BR1M membantu dari sudut menjana pertumbuhan ekonomi, tapi sejauh mana kita boleh pastikan isi rumah akan berbelanja untuk barang keperluan seperti makanan?

"Kalau tak percaya esok pergi buat tinjauan tanya, beli apa? Mungkin ada yang akan beli gajet bukan itu yang kita nak, beli gajet itu lebih parah sebenarnya, kita telah bantu ekonomi negara lain sebab perkakasan elektronik kandungan import dia tinggi, kalau harganya RM1, lebih 60sen akan pergi ke luar, itu masalahnya," katanya.

Beliau berkata, masih belum terlambat untuk kerajaan melakukan penambahbaikan dan tentunya banyak cara boleh



digunakan.

"Salahsatunya, bertepatan hasrat BR1M untuk kurangkan kos hidup, kerajaan boleh agih bantuan menggunakan baucar makanan.

"Apabila isi rumah dapat baucar, mereka hanya boleh beli makanan sahaja di kedai-kedai tertentu, sekali gus perbelanjaan itu boleh dikawal berbanding cara agihan secara tunai ketika

**Nak lari  
daripada  
politik, kaedah  
yang digunakan  
itu perlu lebih  
sampai kepada  
golongan yang  
memerlukan."**

- Dr Mohd Yusof

ini," katanya.

Katanya, jika benar kerajaan ingin mengaitkan BR1M dengan politik, bantuan ini boleh disalurkan secara bulanan.

"Gunakan peruntukan sama RM1,200 agih RM100 sebulan, hantar terus barang makanan kerumah, itu langkah terbaik kalau nak lihat bagaimana kerajaan bantu golongan memerlukan

tiap-tiap bulan.

"Nak lari daripada politik, kaedah yang digunakan itu perlu lebih sampai kepada golongan yang memerlukan," katanya.

Mohd Yusof juga menambah, kerajaan boleh mempertimbangkan untuk menggunakan peruntukan BR1M untuk makanan.

"Kita beri subsidi makanan kepada pengeluar, harga makanan murah. Ada pula yang kata kalau buat begitu, orang kaya dapat manfaat juga, betul, tapi kalau kita lihat pasaran makanan, orang kaya kurang berbelanja kepada makanan, lebih kepada barang mewah, hotel, percutian, jadi beban golongan berpendapatan rendah boleh dikurangkan," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib

Razak menegaskan BR1M bukan bermotifkan politik atau kepartian, sebaliknya membantu golongan benar-benar berkelayakan bagi mengelak ketirisan besar.

"Kalau nak beli undi kita hanyabagi kepada puak-puak kita sahaja tetapi semua dapat termasuk di negeri ditadbir pembangkang, negeri ditadbir pembangkang adalah penerima tertinggi BR1M dan kita pilih penerimanya bergantung kepada pendapatan," kata Najib.

Najib pada masa sama menegaskan BR1M yang diperkenalkan sejak 2012 itu bukan melalui dirinya atau parti politiknya, sebaliknya oleh Bank Negara Malaysia (BNM) selepas pemberian subsidi berpukal diamalkan sejak sekian lama ditegur Bank Dunia.